

03 AUG 2001

Mahathir-Perjuangan

WASPADA PIHAK INGIN CARI KECACATAN PUTERI UMNO, INGATAN DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 3 Ogos (Bernama) -- Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Puteri Umno harus berhati-hati terhadap pihak yang ingin mencari kecacatan sayap baru Umno itu ketika mereka berusaha memperjuangkan parti.

"Rakyat Malaysia sedang memerhatikan gerak-geri (Puteri Umno) dan ramai yang cari kecacatan mereka. Oleh itu adalah penting bagi Puteri Umno jaga gerak gerik mereka," katanya di hadapan lebih 5,000 anggota Puteri Umno semasa melancarkan secara rasmi sayap baru itu di Pusat Dagangan Dunia Putra malam ini.

Beliau menasihati golongan muda itu supaya jangan ada yang boleh mencemarkan Puteri Umno.

"Kita nak Puteri Umno tubuh banyak cawangan. Jangan Pemuda (Umno) tubuh cawangan dikalangan Puteri. Cawangan pertama tak apa...kedua, ketiga, keempat, jangan," katanya dengan disambut gelak ketawa hadirin yang memenuhi Dewan itu.

Dr Mahathir juga mengingatkan Pemuda Umno supaya turut menjaga nama baik Puteri Umno kerana parti itu mengetahui ada pihak yang cuba mencari kelemahan Puteri Umno.

Dr Mahathir mengingatkan Puteri Umno supaya faham akan perjuangan parti memandangkan masih ada yang menyertai Umno tetapi tidak faham akan perjuangan parti.

"Ingat, kita masuk parti hanya untuk satu tujuan iaitu untuk menyelamatkan bangsa, agama dan negara," katanya sambil menambah beliau yakin Puteri Umno tidak akan menghampakan harapan anggota Umno keseluruhannya.

"Jawatan itu bukan perhiasan dan bukan untuk diri sendiri tetapi untuk perjuangan parti. Perjuangan kita bukan untuk jadi pemimpin tetapi untuk memajukan bangsa, agama dan negara melalui Umno," katanya.

Beliau meminta Puteri Umno menganjurkan kursus kepada anggotanya supaya setiap yang menyertai sayap baru itu faham apa yang perlu mereka perjuangkan.

Presiden Umno itu turut menasihati setiap anggota Puteri Umno berdaftar sebagai pengundi dan keluar menunaikan tanggungjawab mereka walaupun pada pilihan raya kecil.

Dr Mahathir yang menyifatkan dirinya sebagai datuk menasihati cucu-cucunya, mengingatkan Puteri Umno supaya jangan ada usaha untuk mencantas orang tertentu atau perbuatan memburuk-burukkan orang tertentu.

"Jangan ada yang hantar surat-surat layang kepada Presiden (parti) dan buat aduan pemimpin itu dan pemimpin ini yang tak betul. Waktu ini bukan masanya (untuk adu mengadu). Sekarang adalah masa untuk memperkemas gerakan Puteri," katanya.

Beliau turut menjelaskan bahawa Puteri Umno ditubuhkan pada saat yang genting apabila Umno pusat mendapati orang Melayu telah hilang minat sehingga tercebur dengan kegiatan yang tidak berfaedah.

"Kononnya generasi muda tak minat dengan Umno manakala yang tua pula terpengaruh (dengan parti pembangkang) dan merasakan Umno tidak lagi relevan.

"Tetapi malam ini, kita lihat relevan tak relevannya. Dewan ini penuh dan kalau ada yang masih kata tak relevan (ditubuhkan Puteri Umno) saya jemput mereka datang tengok di TV. Yang jelasnya ramai wanita yang berumur bawah 35 yang ingin terus berjuang untuk Umno," katanya.

Yang turut menghadiri majlis itu ialah Timbalan Presiden Umno Datuk

Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob.
-- BERNAMA
NZ NZ FAZ